

Soalan Lazim

Allianz Junior Badminton Championship (AJBC) 2026

1. Apakah Allianz Junior Badminton Championship (AJBC)?

Allianz Junior Badminton Championship adalah kejohanan badminton untuk kanak-kanak yang berumur 15 tahun dan ke bawah.

Terdapat tiga kategori umur yang dipertandingkan iaitu Bawah 11, Bawah 13 dan Bawah 15 Tahun. AJBC adalah sebuah platform yang disediakan untuk pemain yang ingin mengambil bahagian dalam kejohanan yang tersusun dan kompetitif, serta untuk memperoleh kemahiran untuk menjadi seorang pemain badminton profesional pada masa hadapan.

Selain daripada memupuk semangat kesukanan yang sebenar, AJBC juga bertujuan untuk mempromosikan kesihatan, kesejahteraan dan memupuk keharmonian sosial melalui badminton.

2. Apakah kumpulan umur untuk AJBC?

AJBC terbuka kepada pemain-pemain yang berumur 15 tahun dan ke bawah. Terdapat tiga kumpulan umur iaitu Bawah 11, Bawah 13 dan Bawah 15 Tahun. Bawah 11 Tahun akan mempunyai dua kategori, manakala Bawah 13 dan Bawah 15 Tahun akan mempunyai empat kategori seperti berikut:

| Kumpulan Umur | Bawah 11 Tahun (lahir 2015 hingga 2019) | Bawah 13 Tahun (lahir 2013 dan 2014) | Bawah 15 Tahun (lahir 2011 dan 2012) |
|---------------|--|---|---|
| Kategori | Perseorangan Lelaki | Perseorangan Lelaki | Perseorangan Lelaki |
| | Perseorangan Perempuan | Perseorangan Perempuan | Perseorangan Perempuan |
| | - | Beregu Lelaki | Beregu Lelaki |
| | - | Beregu Perempuan | Beregu Perempuan |

3. Di manakah dan bilakah AJBC akan diadakan?

Sila layari allianz.com.my/ajbc untuk maklumat terkini.

4. Apakah bentuk kejohanan AJBC?

Bentuk kejohanan adalah berdasarkan kalah singkir (knock-out) dimana pemain akan bermain satu (1) set sahaja dengan sistem kiraan tiga puluh (30) mata di pusingan pertama sehingga suku akhir, manakala di peringkat separuh akhir dan akhir akan ditentukan melalui sistem dua puluh satu (21) mata menerusi tiga (3) set terbaik (*best of 3 Sets*).

5. Adakah yuran pendaftaran akan dikenakan?

Tidak, yuran pendaftaran tidak akan dikenakan untuk menyertai AJBC.

6. Bilakah pendaftaran AJBC bermula?

Tarikh pendaftaran adalah berbeza mengikut pusingan kelayakan masing-masing seperti jadual berikut:

| Acara | Negeri | Tarikh Kejohanan | Tarikh Mula Pendaftaran |
|--|--------------|------------------------|-------------------------|
| Pusingan Kelayakan 1 | Perak | 24 – 26 April 2026 | 6 April |
| Pusingan Kelayakan 2 | Putrajaya | 8 – 10 Mei 2026 | 14 April |
| Pusingan Kelayakan 3 | Johor | 10 – 12 Julai 2026 | 23 Jun |
| Pusingan Kelayakan 4 | Terengganu | 24 – 26 Julai 2026 | 30 Jun |
| Pusingan Kelayakan 5 | Pahang | 7 – 9 Ogos 2026 | 14 Julai |
| Pusingan Kelayakan 6 | Sabah | 28 – 30 Ogos 2026 | 28 Julai |
| Pusingan Kelayakan 7 | Sarawak | 4 – 6 September 2026 | 11 Ogos |
| Pusingan Kelayakan 8 | Melaka | 25 – 27 September 2026 | 8 September |
| Pusingan Kelayakan 9 | Kedah | 9 – 11 Oktober 2026 | 15 September |
| Pusingan Kelayakan 10 | Pulau Pinang | 23 -25 Oktober | 29 September |
| Peringkat Akhir (<i>Grand Finals</i>) | Kuala Lumpur | 2 – 7 Disember 2026 | - |

7. Bagaimanakah boleh saya mendaftar untuk AJBC?

Untuk pendaftaran AJBC, sila layari allianz.com.my/ajbc atau hubungi En. Akbar di 011-3234 7043 untuk sebarang pertanyaan.

8. Bolehkah pemain yang sama mendaftar untuk 2 kategori (perseorangan dan beregu)?

Pemain yang sama dibenarkan mendaftar untuk kategori perseorangan dan beregu (maximum 2 acara).

9. Bolehkah pemain yang sama mendaftar untuk 2 pusingan kelayakan?

Tidak dibenarkan.

10. Bolehkah saya menyertai kejohanan AJBC jika saya terlepas tarikh tutup pendaftaran kejohanan negeri?

Pendaftaran lewat tidak akan diterima.

11. Apakah yang akan terjadi jika saya terlambat untuk kejohanan AJBC?

Pemain-pemain dikehendaki hadir di tempat pertandingan tiga puluh (30) minit sebelum perlawanan mereka untuk mendaftar masuk di tempat sekretariat kejohanan. Jika tidak, mereka akan hilang kelayakan.

12. Sekiranya saya cedera atau sakit, bolehkah pemain lain menggantikan saya untuk meneruskan kejohanan AJBC?

Pemain tidak dibenarkan untuk diganti sekiranya cedera atau sakit.

13. Apakah yang perlu saya pakai untuk kejohanan AJBC?

Pemain mesti memakai pakaian kompetitif berwarna cerah yang sesuai untuk sukan badminton semasa perlawanan. Semua pemain dikehendaki memakai t-shirt rasmi yang disediakan oleh pihak penganjur semasa majlis penyampaian hadiah. Pakaian yang ketat adalah tidak digalakkan.

14. Apakah yang perlu saya bawa ke AJBC?

Pemain harus membawa kad pengenalan dan salinan cetak Surat Persetujuan (*Consent Form*) yang lengkap dengan tandatangan ibu bapa/ penjaga untuk tujuan pengesahan. Sila bawa peralatan sukan dan air yang mencukupi.

15. Adakah makanan disediakan semasa kejohanan AJBC?

Pemain perlu menyediakan makanan sendiri.

16. Adakah ibu bapa dan rakan-rakan dibenarkan hadir ke AJBC?

Ya, mereka dibenarkan hadir ke AJBC.

[Dikemaskini pada 1 April 2026]